

# Penyata Hak Strok Sedunia

## Sebagai seorang yang menghidap strok Saya berhak:



### Menerima rawatan yang terbaik

- Diagnosis secara pantas supaya saya cepat dirawat
- Dirawati oleh pasukan berkepakaran pada setiap langkah perjalanan saya (di hospital dan semasa rehabilitasi)
- Mendapat rawatan yang diselaras dengan baik
- Mendapat rawatan tanpa mengira kedudukan kewangan, jantina, budaya atau tempat tinggal
- Mendapat rawatan yang sepatutnya sebagai seorang individu berasaskan jantina, budaya, pencapaian dan perubahan keperluan dari masa ke semasa



### Dimaklumkan dan bersedia

- Berpeluang mendapat maklumat yang memadai dan tepat mengenai faktor yang meningkatkan risiko strok
- Mendapat maklumat mengenai tanda dan gejala strok supaya saya mengenalpasti sekiranya saya mengalami serangan strok
- Mendapat maklumat sepenuhnya mengenai penyakit yang menimpa saya serta cara hidup saya seterusnya selepas strok selama mana yang perlu



### Disokong semasa proses pemulihan

- Diberikan harapan untuk pulih sebaik mana yang mungkin pada masa kini dan masa akan datang
- Mendapat sokongan psikologi dan emosi yang sesuai dengan keperluan saya
- Dilibatkan dalam semua aspek masyarakat tanpa mengira tahap ketidak-upayaan saya
- Mendapat sokongan (kewangan atau lain-lain) untuk memastikan saya mendapat jagaan sewajarnya dalam jangka masa panjang
- Mendapat sokongan sekiranya saya kembali bekerja dan/atau ingin menyertai aktiviti lain selepas mengidap strok
- Mendapat panduan secara rasmi atau tidak rasmi untuk mendapat perkhidmatan yang saya perlukan
- Berhubung dengan pesakit strok lain dan penjaga agar saya boleh mendapat dan memberikan sokongan dalam pemulihan saya daripada strok



**World Stroke  
Organization**

[www.world-stroke.org](http://www.world-stroke.org)

# Penyata Hak Strok Sedunia

Penyakit strok (atau angin ahmar) adalah salah satu daripada punca kematian dan penyebab ketidak-upayaan utama di negara maju, mahupun di negara membangun.

**Lebih 13.7 juta kejadian strok baru berlaku setiap tahun.** Serata dunia, **satu per empat dari golongan berumur 25 tahun ke atas akan ditimpa strok semasa hayat mereka.** Serata dunia, **lebih daripada 80 juta insan pernah mengalami penyakit strok. Setiap tahun, 5.5 juta orang mati ditimpa strok.**

**Sebalik angka-angka ini adalah insan yang nyata.**

Meskipun statistik ini agak memeranjatkan, ramai pesakit strok tidak berupaya mendapat rawatan, rehabilitasi dan sokongan yang mampu memberikan peluang terbaik untuk pulih dan meneruskan hidup secara sihat, produktif, tanpa bergantung kepada orang lain.

'Global Stroke Bill of Rights' atau Penyata Hak Strok Sedunia merupakan salah satu daripada keutamaan 'World Stroke Organization' atau Pertubuhan Strok Sedunia. Penyata ini bertujuan mengenalpasti aspek-aspek rawatan dan penjagaan yang penting kepada SEMUA penghidap strok dan penjaga mereka dari seluruh dunia.

**ia merupakan alat yang boleh digunakan oleh individu atau organisasi untuk berkomunikasi dengan pihak yang merawat pesakit strok serta pihak kerajaan dan agensi berkaitan untuk mengetahui apa yang dianggap penting oleh pesakit strok dalam proses pemulihan mereka.** Banyak aspek pemulihan ini yang difikirkan penting oleh pesakit strok sendiri, dan tertera dalam dokumen ini, terbukti dapat mengurangkan kematian dan ketidakupayaan selepas strok.

Penyata Hak Strok Sedunia bukan dokumen yang bersifat perundangan. Ia setakat panduan kepada unsur-unsur penjagaan strok yang penting kepada pesakit strok serta penjaga mereka yang mampu menghasilkan kesudahan dan pengalaman yang terbaik.

**Penyata Hak Strok Sedunia adalah hasil titik peluh sekumpulan pesakit strok dan penjaga dari serantau dunia.** Mereka mendapat sokongan ribuan pesakit dan penjaga dari pelbagai negara, budaya dan rumpun bahasa yang menyertai kaji selidik untuk mengenalpasti sekiranya terdapat perbezaan di sekitar dunia. Maklumbalas mereka menunjukkan bahawa apa yang difikirkan penting di kalangan kumpulan ini tidak banyak berbeza berdasarkan tempat asal atau tempat duduk mereka.

Isu-isu yang dikenalpasti berdasarkan proses ini merupakan garis panduan Penyata Hak Strok Sedunia dan disenaraikan mengikut keutamaan yang disarankan pesakit strok dan penjaga mereka.

**Kami berharap ia akan menjadi alat yang berguna dalam memperbaiki rawatan pesakit strok di seluruh dunia**

